



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	:	MUKA SURAT	:	17
TARIKH	:	6/7/2018				
JABATAN	:	NRE				
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN				

Krisis air Selangor bakal berakhir

Fasa pertama LRA Langat 2 siap November

HIDAYAH HAIROM

HULU LANGAT

Sejumlah 325 juta liter sehari (MLD) akan dibekalkan menerusi projek Lori Rawatan Air (LRA) Langat 2 fasa pertama yang bakal siap pada November ini.

Perkembangan pembinaan LRA terbesar di Asia Tenggara itu sekali gus memanfaatkan satu juta isi rumah di Lembah Klang seterusnya menjadi sinar penyelesaian terhadap krisis air yang melanda Selangor.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, penyelesaian isu air di Selangor mampu terus diperkasa apa-

bila LRA Langat 2 siap sepenuhnya pada 2022.

Menurutnya, LRA Langat 2 mampu menyumbang kepada pertambahan bekalan air sebanyak 1,130 MLD sehari kepada penduduk Lembah Klang.

"Apabila siap fasa pertama, bekalan air mentah dari Pahang sebanyak 325 juta liter itu akan menambahkan rizab bekalan air kepada tujuh peratus di Selangor. Ketika ini kita hanya mempunyai simpanan rizab sekitar tiga peratus saja dan itu tidak mencukupi.

"Apabila siap sepenuhnya pada 2022, pertambahan bekalan kepada 1,130 juta liter sehari mencukupi untuk penduduk di Lembah Klang sehingga tahun 2025 sekali gus menyelesaikan krisis bekalan air.

"Berdasarkan statistik pada tahun 2014, penduduk di Selangor memerlukan 4,907 juta liter air sehari sedangkan kapasiti pengeluaran hanyalah 4,431 juta liter



Dr Xavier (kanan) ketika melawat LRA Langat 2 yang kini siap 72 peratus, semalam.

sehari menerusi 34 LRA di seluruh negeri," katanya pada sidang media sempena lawatan ke tapak pembinaan LRA Langat 2, semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri taklimat tertutup bersama Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan SMHB Engineering Sdn Bhd mengenai projek berkenaan.

Projek LRA Langat 2, yang menelan kos berjumlah RM8 bilion, merangkumi 15 pakej membabitkan kawasan antaranya Hulu Langat, Cheras, Sungai Besi, Bukit Jalil, Petaling, Bandar Kinrara, Bukit Dengkil, Ampang serta Keramat AU3.

LRA berkenaan yang dimulakan pembinaannya pada 2014 kini telah 72 peratus siap.

Dalam pada itu, Dr Xavier berkata, kerajaan juga bercadang mewujudkan sistem mengurangkan risiko pencemaran air dari Pahang sebelum masuk ke loji rawatan itu.

Katanya, satu kertas kerja akan disiapkan dalam masa terdekat untuk bekerjasama dengan Pahang bagi pelaksanaan kawalan saliran air. "Kerajaan ada cadangan

info

Penyelesaian isu air di Selangor mampu terus diperkasa apabila LRA Langat 2 siap sepenuhnya pada 2022

untuk bina satu sistem *wetland* di sungai semantan. Ini bagi mengurangkan risiko pencemaran air dalam masa sama kawalan terhadap kilang-kilang di tepi sungai juga perlu dibuat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Xavier, turut memberi jaminan penstrukturan semula pengurusan bekalan air Selangor bakal dimuktamadkan dalam tempoh sebulan.

"Kerajaan akan pastikan pengambilalihan konsesi air Selangor dari Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (Splash) dapat dilaksanakan dalam tempoh sebulan," katanya.